

**Raja Muda Harap Perlis Jadi Negeri Pilihan Pelabur  
Bernama  
4 Oktober , 2011**

KANGAR, 4 Okt (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berharap Perlis akan menjadi negeri pilihan pelabur sebagai langkah meningkatkan keupayaan ekonominya.

Baginda mahu usaha dilakukan bagi memikat pelabur ke Perlis supaya sektor industri yang merupakan antara pemangkin utama ekonomi terus berkembang.

Bertitah pada majlis penutupan Bengkel Memacu Perlis Ke Arah Negeri Mampu Diri) di The Regency Jerai Hill Resort, Gunung Jerai, Kedah, malam tadi, baginda berharap jabatan dan agensi kerajaan serta sektor swasta turut membantu merealisasikan perkara itu.

"Kita mesti sediakan infrastruktur yang meyakinkan pelabur selain perlu ada jaringan perhubungan yang baik," titah Tuanku Syed Faizuddin.

Menurut baginda, selama ini Perlis terpaksa bergantung sumber kewangan kepada kerajaan pusat kerana menanggung defisit yang berpanjangan.

Tuanku Syed Faizuddin berharap jabatan dan agensi kerajaan membantu meningkatkan pendapatan kerajaan selain berusaha mengurangkan kos operasi tanpa mengurangkan nilai perkhidmatan.

Di sektor pendidikan, baginda menekankan tentang pentingnya kegiatan ilmu diperkasakan melalui kewujudan institusi-institusi pengajian tinggi di Perlis.

Titah baginda, tidak mustahil suatu hari nanti, slogan bandar universiti yang dilaungkan akan berubah kepada "bandar raya bestari" sekiranya semua pihak mula mengejar dan menerima kemodenan di negeri itu.

Bengkel itu yang disertai ketua-ketua jabatan dan agensi, institusi pengajian tinggi serta sektor swasta itu berlangsung semalam di puncak Gunung Jerai itu dan berakhir malam tadi.

Antara yang menyertai bengkel itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Azizan Hamid, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin, Presiden Allianze University College of Medical Sceince (AUCMS) Datuk Dr Zainuddin Wazir, Ketua Polis Perlis SAC Zull Aznam Haron dan Mufti Perlis, Dr Juanda Jaya.

Turut berangkat Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617472>